

Tun M diminta contohi Kit Siang

KUALA LUMPUR: Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu mencontohi veteran DAP, Tan Sri Lim Kit Siang yang berundur daripada politik tetapi terus membe-ri pandangan mengenai isu-isu semasa.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pensyarah kanan Sains Politik Universiti Teknologi Mara (UiTM), Mujibu Abd Muis berkata, pandangan Dr. Mahathir akan lebih di-segani kerana berpe-ngalaman memerintah negara puluhan tahun.

"Itu yang paling sesuai kerana sosok Dr. Mahathir adalah seorang ne-garawan. Sudah sampai masa beliau hanya beri pandangan yang bernas dalam isu tertentu. Ambil contoh seperti Kit Siang, Lee Kuan Yew, Tun Abdullah Ahmad Badawi, Tun Musa Hitam..figura-figura ini banyak mem-berikan pandangan kepada mereka yang masih berada dalam dunia poli-tik dan pandangan tokoh itu diambil kira semasa buat sesuatu keputusan.

"Itu yang lebih baik daripada Dr. Mahathir terus kekal dalam du-nia politik kerana beliau dilihat semakin tidak re-levan," katanya ketika di-hubungi, semalam.

Malah, menurut beliau, tindakan Dr. Mahathir yang semakin lantang memperjuangkan bangsa Melayu adalah berten-tangan dengan apa yang diperjuangkan semasa menjadi Perdana Menteri sebelum ini.

"Kelantangan Dr. Ma-hathir itu akan memakan diri sendiri. Maksudnya boleh jadi orang bukan Melayu tidak akan men-jadikan Perikatan Nasio-nal (PN) sebagai pilihan.

"Kelantangan Dr. Ma-hathir boleh dilihat ter-lalu ekstrem Melayu sehingga tidak disukai pihak tertentu, kerana perjuangan beliau kini begitu kontradiksi de-ngan apa yang dibawa olehnya sebelum ini," katanya.